



KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN

## SIARAN MEDIA

### INISIATIF PENYELENGGARAAN RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (RIBI) TINGKATKAN KEBAJIKAN MASYARAKAT BERBILANG KAUM

**MELAKA, 17 Mei 2024** – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah menghadiri **Majlis Penyerahan Bantuan Kewangan bagi Inisiatif Penyelenggaraan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Seluruh Negara** bertempat di **Aw Hai Thian Chinese Temple, Melaka** pada petang ini.

Sejumlah **RM2,632,693.00** peruntukan bantuan kewangan telah diluluskan bagi **20 buah RIBI di Melaka** daripada keseluruhan 254 permohonan berjumlah RM26,864,713.15 juta yang telah diluluskan sehingga 15 Mei 2024. Sehingga kini, permohonan inisiatif RIBI bagi tahun 2024 masih dibuka dan boleh dimohon secara atas talian melalui laman web Sistem e-RIBI KPKT di pautan <https://eribi.kpkt.gov.my/> sehingga 30 Jun 2024.

Di bawah Inisiatif Belanjawan 2024, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan Inisiatif Penyelenggaraan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) Seluruh Negara. Sejumlah RM50 juta bantuan kewangan diperuntukkan kepada organisasi RIBI di seluruh negara bagi tujuan menyelenggara dan membaik pulih rumah ibadat masing-masing seterusnya memberikan keselesaan kepada penganutnya untuk beribadat.

Semua permohonan bagi kerja-kerja pembaikan, pengubahsuaian, penyelenggaraan dan kerja-kerja kecemasan di rumah ibadat akan dinilai oleh Pasukan Pemantauan dan Penilaian serta pertimbangan oleh Jawatankuasa *Taskforce* yang telah dibentuk. Permohonan tersebut perlu mematuhi Garis Panduan Inisiatif Penyelenggaraan RIBI yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

KPKT komited dalam melaksanakan inisiatif ini secara profesional, cekap dan telus bagi memastikan peruntukan di bawah inisiatif ini dapat diagihkan kepada organisasi RIBI yang layak secara adil dan saksama.

*#MalaysiaMADANI*  
*#StrongerTogether*  
*#DemiPertiwi*  
*#UnityInDiversity*

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*

